

## TURUTAN PERBUALAN DALAM RANCANGAN BUAL BICARA

Azean Idruwani Idrus<sup>1</sup>  
Ahmad Mahmood Musanif<sup>2</sup>  
International Islamic University Malaysia<sup>1</sup>  
Universiti Putra Malaysia<sup>2</sup>

Corresponding Author's Email: [azeanidruwaniidrus@iium.edu.my](mailto:azeanidruwaniidrus@iium.edu.my)

### Article History:

Received : 15 October 2021  
Accepted : 26 October 2021  
Published : 30 December 2021

### ABSTRAK

Rancangan bual bicara *Wanita Hari Ini* merupakan rancangan interaktif. Rancangan ini membincangkan topik yang berkaitan kewanitaan khususnya dalam isu rumah tangga. Pakar motivasi, perunding perkahwinan dan tokoh agama diundang bagi mengupas topik dan mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan dalam rumah tangga selain memelihara kesejahteraan dalam hubungan kekeluargaan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan turutan perbualan dalam segmen Asam Garam Rumah Tangga. Data dianalisis melalui kaedah analisis kandungan teks dengan mengaplikasikan Model Struktur Interaksi. Dapatan kajian memperlihatkan turutan perbualan terdiri daripada pembuka perbualan, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab dan penutup perbualan memberikan kesan terhadap kelancaran dalam ujaran seterusnya menimbulkan keberkesanan dalam mencapai tujuan sebenar suatu rancangan bual bicara. Ini secara tidak langsung dapat menzahirkan turutan perbualan kepada pengguna bahasa yang terlibat dalam sesebuah rancangan bual bicara.

**Kata kunci:** turutan; perbualan; analisis perbualan; analisis wacana; rancangan bual bicara

### CONSERVATION SEQUENCE IN A TALK SHOW

#### Abstract

*Wanita Hari Ini talk show is an interactive show. The show discusses topics related to special femininity in household issues. Motivational experts, marriage consultants and religious figures are invited to discuss topics and find solutions to problems in the household as well as maintain well-being in family relationships. This study is to identify and discuss the sequence of conversations in the Asam Garam Rumah Tangga segment. Data were analyzed through text content analysis method by applying the Interaction Structure Model. Findings of the study showed that the sequence of conversations consisting of the opening of the conversation, introduction of the actors, each statement of purpose, question and answer and closing of the conversation affect the fluency in the next utterance the effectiveness in achieving the real purpose of a talk show. This can indirectly reveal the sequence of conversations to the language users involved in a talk show.*

**Keywords:** sequence; conversation; conversation analysis; discourse analysis; talk show

## **PENGENALAN**

Turunan perbualan merupakan ujaran yang dihasilkan secara berturutan oleh pemeran dalam perbualan. Melalui turunan perbualan, proses penyaluran dan pertukaran maklumat antara pemeran membolehkan ujaran yang diujarkan difahami dan penyaluran maklumat tentang sesuatu isu dapat dilakukan dan dikongsi bersama dengan khalayak. Hal ini secara tidak langsung memberi implikasi kepada pemeran dan khalayak. Rancangan bual bicara merupakan suatu wadah dalam penyampaian dan perkongsian maklumat kepada khalayak melalui turunan perbualan yang dituturkan. Rancangan bual bicara merupakan sebuah rancangan seorang atau sekelompok orang yang akan membincangkan pelbagai topik dan biasanya tetamu yang diundang terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman besar serta arif tentang sesuatu perkara yang dibahaskan (Hazlin Falina Rosli, 2020). Pemeran yang terlibat dalam rancangan bual bicara berkongsi atau menyampaikan maklumat untuk dikongsi dengan komuniti yang mempunyai minat yang sama (Rohaidah Mashudi et al., 2017:71). Peranan oleh pengacara orang yang diwawancara (seterusnya ODW) amat penting dalam menjayakan sebuah rancangan bual bicara. Hal ini demikian kerana pengacara berperanan mendapatkan maklumat mengenai sesuatu topik daripada ODW. Sementara, ODW menyampaikan maklumat dan bertindak balas berdasarkan topik perbincangan yang telah ditetapkan.

Ujaran oleh ODW yang memberikan maklumat yang berinformatif, sahih atau benar, relevan atau mempunyai perkaitan dengan topik yang sedang dibincangkan serta menyediakan contoh-contoh yang tersusun dan mudah difahami akan menghasilkan suatu perbualan yang benar-benar bermanfaat kepada khalayak (Ainul Afiqin Abdul Aziz dan Arina Johari, 2017: 47). Bagi memastikan keteraturan serta keberkesanan mesej dan maklumat dapat disampaikan kepada khalayak dan seterusnya tujuan penyiaran rancangan bual bicara tersebut tercapai turunan perbualan dititikberatkan dalam sesebuah rancangan bual bicara. Keteraturan ujaran oleh pengacara dan (ODW) siaran interaktif merupakan akar kejayaan dalam sesuatu media elektronik (Dewi Anggrayni et.al, 2018: 178). Di samping itu, ODW pengetahuan oleh ODW perlu dimiliki bagi memperoleh cara yang berkesan dalam menyampaikan sesuatu hujah bagi menimbulkan sesuatu kesedaran dan kepentingan yang sewajarnya dalam berhubung dengan pemeran yang lain (Nguyen, 2015).

Dalam rancangan bual bicara turunan perbualan sememangnya dititikberatkan. Walaupun perbualan pada zahirnya, kelihatan seperti tidak berturutan, namun turunan dalam perbualan tidak boleh dipisahkan kerana perbualan merupakan satu unit yang berkesinambungan, komprehensif dan berdasarkan konteks situasi ujaran (Asmah Hj. Omar, 2013: xi). Bertitik tolak daripada masalah tersebut, timbul masalah untuk memahami turunan dalam perbualan. Hakikatnya, untuk memahami turunan dalam perbualan tersebut bukanlah sesuatu proses yang mudah. Hal ini demikian kerana pemeran bukan sahaja perlu segera dapat memahami maksud dan mesej yang disampaikan, tetapi ujaran yang diujarkan hendaklah mudah difahami serta mempunyai pertalian dengan konteks supaya dilihat sebagai hanya menuturkan sesuatu yang berkaitan dan diperlukan sahaja (Arina Johari dan Indirawati Zahid, 2016: 150). Daripada kajian ini, perbualan dalam rancangan bual bicara akan tergendala dan penyampaian maklumat tidak berlangsung dengan jayanya. Justeru, turunan perbualan adalah penting dalam rancangan bual bicara agar keteraturan dan keberkesanan maklumat dapat disampaikan seterusnya tujuan penyiaran rancangan bual bicara tersebut tercapai. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji turunan perbualan dalam rancangan bual bicara.

## **SOROTAN LITERATUR**

Analisis turunan perbualan antara pakar kardiologi di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur oleh Vimala. G dan Siti Zobidah Omar (2017) mendapati turunan perbualan antara pakar kardiologi dengan pesakit dilakukan secara lisan. Perbualan dimulakan oleh doktor melalui turunan pembuka perbualan, memperkenalkan diri, tanya jawab dan diakhiri dengan penutup perbualan. Perbualan antara doktor dengan pesakit ini berkaitan sesi perundingan dan maklumat penjagaan kesihatan. Penggunaan bahasa

yang mudah difahami digunakan oleh doktor sepanjang sesi perundingan dengan pesakit. Selain itu, analisis yang dilakukan oleh Nur Amirah Che Soh (2015) bertajuk “Struktur Perbualan dalam Filem Anak Bapak” telah memperlihatkan setiap perbualan mempunyai struktur yang terdiri daripada pembuka, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab, pra penutup dan penutup perbualan. Di samping itu, bahasa pertuturan masyarakat seharian digunakan oleh pemeran yang terlibat dalam *Filem Anak Bapak*. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Thinusha Selvaraj (2013) pula mendapati dalam pembuka dan penutup perbualan ucapan salam, bentuk panggilan sapaan dan pilihan bahasa yang sesuai digunakan bagi mengekalkan keakraban antara jururawat dengan pesakit dalam wad. Manakala hasil kajian Putut Setiyadi (2013) bertajuk “Bentuk dan Struktur Wacana Percakapan Dalam Radio Amatir di Kodya Surakarta” mendapati bahawa struktur perbualan terdiri daripada struktur awal, pertengahan dan akhir. Di samping, kajian yang dilakukan oleh Nur Amirah Che Soh (2020) tentang giliran bertutur dalam bual bicara radio tempatan mendapati bahawa dalam rancangan bual bicara giliran bertutur dipatuhi oleh pemeran di samping aspek kesopanan diterapkan.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Indirawati Zahid (2018) serta Indirawati Zahid dan Arina Johari (2018) telah memperlihatkan bahawa turutan perbualan antara pengacara dengan ODW dalam sesebuah rancangan bual bicara dipengaruhi oleh faktor-faktor prosedur penerbitan, kemahiran berbahasa, pengalaman kerja, topik perbualan, peranan, kuasa, taraf sosial, tajuk dan peraturan. Sementara dalam kajian oleh Nurcahaya Yudi Hermawan (2017) yang mengkaji dan mengupas rancangan bual bicara di dalam Program “Tanya Dokter” di radio mendapati meskipun isi perbualan mengandungi turutan perbualan yang terdiri daripada pembuka, pertanyaan-penjelasan dan penutup perbualan namun faktor iklan mempengaruhi kewujudan pembuka dan penutup perbualan sementara. Perkembangan dalam perbualan yang memberi tumpuan terhadap kajian turutan perbualan telah dilakukan oleh pengkaji daripada pelbagai aspek. Namun demikian, kajian berkaitan turutan perbualan dalam rancangan bual bicara kurang disentuh dengan lebih mendalam. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan menfokus kepada aspek dalam turutan perbualan untuk memberikan gambaran turutan perbualan dalam rancangan bual bicara.

## **METODOLOGI**

Dalam kajian ini, rancangan bual bicara yang dipilih sebagai data kajian adalah daripada rancangan WHI. Terdiri daripada tujuh topik dalam bahagian Asam Garam Rumah Tangga (AGRT) yang bermula dari bulan Februari sehingga Ogos pada tahun 2015 yang berlangsung pada setiap hari Jumaat telah dipilih sebagai teks kajian. Topik yang dipilih, terdiri daripada Jodoh Tanpa Restu (JTR), Hari-Hari Jatuh Cinta (HHJC), Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah (SLTIP), Caras Milik Orang (CMO), Hidayah Ramadan (HR), Belanja Raya Tanggungjawab Siapa (BRTS) dan Belanja untuk Cantikkan Isteri (BUCI) telah diakses berdasarkan portal Tonton, <http://www.tonton.com/whi>. Kajian ini menggunakan metodologi kaedah analisis kandungan teks sebagai cara untuk melihat bahasa dari konteks penggunaannya, iaitu dengan meneliti turutan perbualan dalam rancangan WHI. Kaedah analisis kandungan teks ini dapat memberikan satu penghuraian yang objektif dan sistematik bagi suatu kandungan tersurat yang terdapat dalam bentuk komunikasi yang merupakan mesej yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan (Norizah Aripin, Hasrina Mustafa dan Adnan Hussein, 2011: 70). Bagi memudahkan analisis data dijalankan, ujaran yang diujarkan oleh pengacara dan ODW ditranskripsikan berdasarkan sistem transkripsi konvensional Jefferson (2014) dan Model Struktur Intraksi oleh Asmah Hj. Omar (2010) diaplikasikan dalam menganalisis data.

## **PERBINCANGAN**

### **Pembuka perbualan**

Berdasarkan analisis yang dijalankan menunjukkan pembuka perbualan digunakan oleh pengacara dalam rancangan bual bicara WHI. Dalam segmen JTR, HHJC, CMO, HR, BUCI, pembuka perbualan oleh pengacara dimulakan dengan ucapan *Apa khabar, Assalamualaikum, Salam sejahtera dan Salam Satu Malaysia*. Pembuka perbualan ini menunjukkan pengacara bukan sahaja ingin memulakan perbualan tetapi memiliki tujuan untuk mengambil tahu perkembangan terbaharu juga merupakan umpan pengacara untuk diajak bersembang. Pemulaan perbualan atau pembuka komunikasi merupakan pemula bagi sesebuah perbualan yang berlaku. Pembuka perbualan timbul berdasarkan kehendak sosial (Asmah Hj. Omar, 2010: 52). Hal ini demikian kerana melalui pembuka perbualan oleh pengacara bagi berlakunya interaksi secara dua hala dan bukannya monolog sendirian dalam masa yang sama itu merupakan niat pengacara agar memperoleh sambutan oleh panel untuk berborak. Pengacara memberi ungkapan *Assalamualaikum* dikatakan memiliki sifat ritual dan sebegini di mulakan dengan sesuatu perbualan. Istilah *Assalamualaikum* yang diberikan oleh pengacara dianggap sebagai suatu perkara yang memiliki sikap fatik, hal ini dikatakan demikian kerana merupakan ucapan yang selalu penganut agama Islam gunakan apabila seeing berjumpa dengan antara satu sama lain berdarkan Marlyna Maros et al. (2016: 228). Maklumat berkaitan agama dan kepercayaan diperoleh berdasarkan ungkapan salam yang menggambarkan suatu sikap yang penuh sopan dan santun dalam perbualan. Berdasarkan Aziz Salleh, 2012: 3 sebelum sesuatu perbualan dimulakan seseorang mendoakan seseorang dan mereka yang terlibat supaya berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Sementara itu, semasa segmen SLTIP dan BRTS menyatakan tiada sebarang pembuka perbualan sebaliknya hanya berbicara kosong sebelum memulakan program pengacaraan bual bicara tetapi hanya menggunakan cakap-cakap (*small talk*) dikatakan tiada kaitan dengan perkara yang hendak disebangkan iaitu *“Tidak ada duit minta isteri. Tidak cukup duit minta lagi isteri: / suami lepas tangan isteri ni pemurah sangat pulak: / itulah sebenarnya topik yang kita bincangkan pada hari ini ...”*. Bercakap-cakap ini bertujuan dalam mewujudkan situasi yang lebih ramah dengan pihak yang bersembang bersama dan sangat berguna sewaktu tempoh pemanasan (*warming up period*) sebelum topik perbincangan diarahkan atau difokuskan. Dalam segmen BRTS dan SLTIP sekitar kemeriahan suasana bazar ramadan di Sarawak yang dianjurkan oleh pihak TV3 dan TV9 yang dibahaskan berkaitan sikap suami yang sering meminta wang daripada isteri. Kebiasaannya dalam sesuatu perbincangan akan dimulakan dengan sembang kosong dalam budaya masyarakat Melayu agar dapat mewujudkan suasana perbualan yang menjadi lebih santai dan mesra menurut Nur Amirah Che Soh (2015 :58) terutama dalam rancangan berbual bicara seperti WHI. Permulaan perbincangan dengan melalui sembang kosong ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran fokus tajuk perbincangan yang ingin dijelaskan atau dibahaskan. Situasi ini mampu meningkatkan fokus penonton agar tetap kekal menyaksikan bual bicara perbincangan dalam rancangan bual bicara WHI. Kaedah yang digunakan oleh pengacara yang tidak terus berfokus kepada topik perbincangan merupakan keunikan agar mengekalkan fokus penonton sebelum Kembali kepada topik asal perbincangan rancangan tersebut. Tambahan pula, perbualan yang dimulakan secara begini mampu meningkatkan sesuatu taraf program bual bicara yang menjadi perhatian ramai pihak untuk mengekalkan minat menonton rancangan sebegini.

### **Pengenalan Pemeran**

Dalam rancangan bual bicara, pengacara berperanan memperkenalkan pemeran yang terlibat dalam perbualan kepada khalayak. Pengenalan ODW boleh dilihat seawal rancangan ini berlangsung. Dalam Segmen JTR pengacara memperkenalkan pemeran yang menjadi penonton di studio semasa rancangan berlangsung, seperti berikut:

*... Kelab Setiausaha D Elegen terdiri daripada 11 orang Pegawai Setiausaha ...*

Pengenalan pemeran ini menggambarkan sebagai bukti penghargaan dengan ucapan terima kasih bagi meraikan kehadiran khayalak dalam bersama-sama memberi laluan kepada rancangan WHI dilaksanakan. Ini menjadikan khalayak berasa kehadiran mereka disenangi. Seterusnya, menggambarkan peraturan sosial diamalakan oleh pengacara dalam perbualan sekali gus menjana keteraturan dan kecekapan berbahasa oleh pengacara dalam rancangan WHI.

Selain itu, cara pengacara memperkenalkan pemeran media hiburan yang diundang disebut nama secara terperinci seperti *Awal Ashaari*, *Norman Halim* dan *Memey Suhaiza* dalam segmen BRTS dan BUCI. Pengenalan pemeran dengan masyarakat bertujuan memberi pemahaman berkaitan peranan setiap individu tersebut oleh pengacara dengan menggunakan kata panggilan kepada ODW agar dapat dilihat kedudukan sosial pemeran yang hadir dalam sesi temu bual dalam rancangan WHI (Ahmad Mahmood Musanif, 2006: 72). Pengacara telah menggunakan kata panggilan terhadap ODW semasa memperkenalkan mereka dalam rancangan WHI dan jelas menunjukkan kedudukan sosial pemeran masing-masing setelah diperkenalkan oleh pengacara. Perasaan hormat mula timbul apabila pembicara menggunakan kata ganti nama diri dan kata panggilan yang benar melambangkan budi pekerti yang sopan di antara pihak penganjur atau pihak pengacara majlis dengan para tetamu yang mampu memberi rasa sesama sendiri dengan tanpa mengira taraf sosial masing-masing sepanjang program berlangsung (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su, 2006: 330).

Di samping itu, status sosial ODW turut diambil kira sewaktu pengenalan pemeran dilakukan. Dengan menggunakan kata panggilan *Datin*, *Ustaz*, *Datuk Dr.*, *Datuk Ustaz*, *Puan*, dan *Dr. Tengku* dalam segmen JTR, HHJC, SLTIP dan CMO. Berdasarkan Rohaidah Mashudi et al, 2017: 76 menyatakan asas kesantunan bahasa mampu melahirkan kepatuhan kepada peraturan bahasa. Tahap tingkat kedudukan sosial dalam masyarakat Melayu dapat diwujudkan dengan memperkenalkan pemeran oleh pengacara terhadap ODW. Unsur pemikiran dan hujah dalam interaksi salah merupakan satu elemen yang mempengaruhi posisi status sosial ODW menurut Md. Sabri Che Man, 2004: 103 Pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh ODW memberikan kerelevanan dalam ujarannya. Di samping itu, secara tidak langsung peraturan Bahasa yang merupakan asas kepada kesantunan berbahasa jelas menggambarkan bahawa penutur mengamalkan atau mematuhi bahasa seperti yang dinyatakan oleh Asmah Hj. Omar (2008: 7):

Hubungan taraf sosial daripada aspek hormat jelas menggambarkan wujudnya kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Masing-masing perlu sentiasa menyedari kedudukan agar penutur-penutur bahasa Melayu perlu mematuhi peraturan sosial. Peraturan sosial ini bertujuan supaya amalan hormat-menghormati dapat diaplikasikan dalam kehidupan sebenar.

### **Pernyataan Tujuan**

Pernyataan tujuan dalam rancangan bual bicara yang diujarkan oleh pengacara bertujuan untuk menyatakan tujuan atau sebab sesuatu perbualan dilakukan. Pengacara menggunakan ayat penyata atau ayat berita dan memberi ulasan terhadap topik perbincangan. Selain itu, teknik sindiran, hipotesis turut diaplikasikan oleh pengacara bagi mempelbagaikan cara penyampaian sewaktu mengacara sesebuah rancangan bual bicara.

Dalam segmen JTR dan CMO pengacara mengujarkan pernyataan tujuan dengan menggunakan ayat penyata. Pengacara terlebih dahulu menyatakan topik perbincangan sebelum memberikan huraian selanjutnya. Penggunaan ayat penyata ini bertujuan untuk memberikan gambaran serta pemahaman berkaitan topik yang akan dibincangkan. Ini boleh diperhatikan daripada ujaran berikut:

“Bercakap tentang jodoh ni yalah / kata jodoh tu ditangan Tuhan / tapi ada kalanya ada jodoh tu yang tidak mendapat restu daripada ibu bapa: / itu menjadi antara dilema yang mungkin ...”

(Segmen JTR)

“... Caras Milik Orang: Mungkin perit untuk ditelan oleh seorang wanita yang dianggap...”

(Segmen CMO)

Dalam pernyataan tujuan pengacara turut mengaplikasikan unsur sinisme, iaitu teknik gaya bahasa sindiran. Penggunaan teknik ini digunakan bagi mengelakkan pemeran, khususnya ODW daripada berkecil hati dan salah faham terhadap pernyataan yang diujarkan. Hasil kajian mendapati penggunaan bahasa sindiran oleh pengacara bukan sahaja bertujuan untuk menyindir kegagalan pihak suami melaksanakan tanggungjawab dalam memberi nafkah kepada isteri malahan juga turut menyindir sika segelintir isteri yang rela menanggung beban membiayai kewangan rumah tangga. Melalui ujaran yang mengandungi sindiran tersebut pengacara berjaya membawa perhatian pemeran kepada topik perbincangan yang bakal dibincangkan. Pengacara dilihat menggunakan bahasa sindiran ini kerana mementingkan aspek kesopanan yang merupakan warisan budaya dalam masyarakat Melayu. Nilai kesopanan melambangkan suatu keperibadian yang mulia diri seseorang bagi mencapai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat bagi menjelaskan jati diri Melayu (Tenas Effendy, 2011: 1). Hal ini demikian kerana dalam norma masyarakat Melayu sesuatu yang terbuka dalam hati atau ketidakpuasan hati tidak boleh dilakukan secara langsung sebaliknya berlaku secara tidak langsung dengan rasa yang penuh hormat. Ini boleh diperhatikan daripada ujaran seperti di bawah:

“*Tak ada duit minta isteri:*” dan “*Tak cukup duit minta lagi isteri:*”

(Segmen SLTIP)

Untuk mempelbagaikan cara bagi menghidupkan suasana sesebuah rancangan bual bicara penggunaan ayat tanya digunakan oleh pengacara. Menurut Asmah Hj. Omar, 2000:435) penggunaan ayat tanya merupakan ayat yang ditandai dengan jawapan menggunakan intonasi tanya supaya menghasilkan nada yang sedikit meninggi sebelum senyapan terakhir. Ayat tanya ini terdiri daripada ayat tanya tertutup dan ayat tanya terbuka.

Dalam segmen HHJC. secara terbuka kata tanya telah digunakan oleh pengacara bagi berfokus kepada tujuan program bual bicara itu berlangsung dengan persoalan berbunyi “Baiklah... *bagaimana* nak memupuk rasa cinta di antara dua hati”.

Sementara dalam segmen BUCI pengacara menggunakan ungkapan pembatasan epistemik, iaitu dengan adanya pendapat mahupun pendirian yang jelas menunjukkan bahawa pembicara memiliki pengetahuan terhadap perkara yang sedang dibincangkan. (Asmah Hj. Omar, 2013: 35). Pendapat pengacara dengan menyatakan bahawa golongan Wanita sering menghadapi dilemma berkaitan kekangan sumber kewangan sendiri dan hanya meminta simpati daripada pihak suami bagi memperoleh barangan kosmetik dalam mencantikan diri sendiri. Kematangan pengacara dalam mengutarakan pendapat berkaitan dilemma yang sering berlaku terhadap golongan wanita melalui bahan pembacaan

secara formal dan tidak formal seperti melalui akhbar, majalah atau media sosial malahan diperoleh melalui pengalaman sendiri di samping pengalaman masyarakat sekeliling. Ini boleh diperhatikan daripada ujaran seperti di bawah:

“saya dapati ini merupakan soalan yang sering menjadi igaun suri rumah disebabkan mereka tidak memiliki pendapatan sendiri kadangkala perasaan ingin membeli pencuci muka pun gusar meminta suami walhal mereka golongan yang perlu diambil berat kerana isteri yang sanggup korban demi keharmonian rumah tangga dengan pelbagai tugas rumah dijalankan...”

(Segmen BUCI)

Pernyataan hipotesis turut digunakan dalam ujaran pengacara. Klausa pengandaian seperti barangkali atau serupa itu, kalau digunakan dalam pernyataan hipotesis menurut Asmah Hj. Omar, 2013: 48. Kata penghubung syarat atau pengandaian ditunjukkan melalui ‘kalau’ berdasarkan pernyataan hipotesis yang dinyatakan. Andaian oleh pengacara dalam segmen *Hidayah Ramadan*, iaitu “*“kalau kita tengokkan dalam bulan Ramadan ...* pengalaman, tanggapan, fikiran, kenangan dan sebagainya ini wujud dan bersifat abstrak. Andaian oleh pihak pengacara telah mendorong agar khalayak sentiasa mengekalkan menyaksikan rancangan bual bicara ini kerana khlayak menginginkan info lanjut yang difokuskan bersama-sama para panel.

Selain itu, kaedah penceritaan turut digunakan oleh pengacara dalam segmen BRTS. Fungsi teknik penceritaan ini supaya mampu meninggalkan yang mendalam terhadap sesuatu peristiwa. Pengacara telah menyatakan contoh sesuatu peristiwa atau keadaan yang sewaktu dalam ujaran berikut “*...kalau seorang anak tu (...) mak dan ayah yang akan belikan*” dan “*kalau seorang isteri: dia merasakan bahawa suami yang belikan ...*”. Pengalaman peribadi pengacara menyebabkan beliau menggunakan teknik bercerita disebabkan oleh pengalaman peribadi sebagai anak dan juga isteri itu lebih jelas dalam ingatan pengacara. Justeru, maklumat yang ingin disampaikan merupakan perihal sembang kosong yang dibahaskan oleh pengacara sebelum bermulanya topik yang sebenar dalam rancangan WHI dengan lebih berkesan jika ingin dibandingkan dengan cerita diperoleh secara mendengar daripada orang atau kaedah membaca merupakan kaedah bercerita yang digunakan. Pengalaman peribadi seseorang juga dapat dijadikan suatu teladan atau inspirasi dalam yang sewajarnya yang boleh didapati daripada pelbagai kaedah seperti pemerhatian dan juga pembacaan. (Asmah Hj. Omar, 2013: 67). Pernyataan tujuan dalam perbualan ini bukan sahaja bertujuan memandu sesebuah perbualan ke akar cerita tetapi memiliki misi yang jelas ingin dikecapi malahan membenarkan program bual bicara kekal diteruskan sehingga penamat tujuan program bual bicara diadakan.

### **Tanya Jawab**

Tanya jawab adalah proses perbualan yang terjadi antara pemeran dan berkait rapat dengan pernyataan tujuan sesebuah rancangan bual bicara. Dalam perbualan, tanya jawab merupakan susunan giliran yang melibatkan secara proses berbicara secara bergilir atau bertukar bilangan untuk berbicara berlaku secara selari. (Mohd Abdul Nasir Abd. Latif, 2014: 260). Perbincangan yang dibahaskan sebelumnya dan berjaya menyambung perbincangan dengan mengeluarkan kemungkinan yang akan dituturkan giliran berikutnya. Tanya jawab dalam rancangan bual bicara WHI terdiri daripada tegur-sapa, pertanyaan – pertanyaan, pertanyaan – sindiran, andaian – penjelasan dan keluhan – penjelasan.

**(a) Tegur-Sapa**

Dalam segmen JTR tegur-sapa dimulakan oleh pengacara dengan ungkapan sapaan “*Assalamualaikum*” dan diikuti ujaran oleh ODW, iaitu “*Wa’alaikumussalamwarahmatullah*” Sapaan ini bukan sahaja memperlihatkan di antara pemeran dan hubungan sosial tetapi sebagai merupakan penghormatan terhadap orang yang memberi hormat dan menjelaskan satu penghormatan. Ucapan ini merupakan satu tuntutan yang penting dalam agama Islam di samping sememangnya dianggap satu peraturan khususnya budaya masyarakat Melayu. Ucapan tegur-sapa melalui ungkapan “*Assalamualaikum*” dan “*Wa’alaikumussalamwarahmatullah*” ini merupakan ucapan yang terbaik dan penuh sopan santun beradab kerana sebelum memulakan perbualan, pengacara sudah mendoakan individu atau mereka yang berkenaan agar berada dalam keadaan sejahtera. Melalui tegur-sapa, perbualan bukan sahaja dapat berjalan dengan lancar dan dalam keadaan selesa serta harmoni bahkan juga dapat menunjukkan tahap kesediaan pengacara dan ODW untuk meneruskan perbualan.

**(b) Pertanyaan – Pertanyaan**

Semasa segmen HHJC pasangan pertama merupakan adverba tanya digunakan dengan memiliki kata tanya “kenapa” menjelaskan pertanyaan secara terbuka. Kata cinta dapat dizahirkan dan dilahirkan terhadap pasangan dengan pengacara meminta penerangan berkaitan sikap golongan suami berkaitan pandangan secara peribadi. Pertanyaan yang diajukan tidak mendapat respons yang memberangsangkan tetapi hanya terbiar begitu sahaja. Pemahaman pengacara diuji apabila ODW menyoal pengacara berkaitan topik yang diutarakan, iaitu “... *Mana lebih dulu cinta melahirkan kata-kata ataupun kata-kata melahirkan cinta*”. Tugas pengacara secara tidak langsung diambil alih oleh ODW dengan dilihat keunikan dalam program bual bicara WHI yang jarang sekali berlaku.

**(c) Pertanyaan – Sindiran**

Dalam program bual bicara WHI, struktur yang jelas, iaitu pengacara mengajukan soalan kepada ODW dalam segmen CMO melalui ujarannya, iaitu “*Fikiran terbuka ke atau macam mana?*” Ujaran ini merupakan permintaan maklumat daripada ODW terhadap soalan yang diujarkan dan ODW mengambil giliran dengan menjawab pertanyaan tersebut. Namun demikian, permintaan maklumat ini mendapat respons ragam bahasa sindiran berbentuk perumpamaan daripada ODW, iaitu “... *Sebaik-baik kita jaga laki kita pun / sebaik-baik kita menatang dia / kalau lelaki itu ditakdirkan ...*”. Ungkapan “menatang” oleh ODW yang bertujuan memberikan sindiran terhadap golongan suami yang mengadakan hubungan dengan wanita lain walaupun layanan yang sepatutnya telah diberi oleh isteri terhadapnya. Ungkapan “menatang” ini menunjukkan penggunaan bahasa sindiran dan tidak dapat difahami secara melalui kamus sahaja tetapi difahami oleh mereka yang faham berkaitan budaya dalam penggunaan bahasa Melayu. Ini menjelaskan bahawa kajian yang dilakukan oleh Zarina Ahmad (2009: 133) sangat tepat berlandaskan kepada konteks budaya Melayu yang dikiaskan dalam sesuatu perkataan.

**(d) Andaian – Penjelasan**

“*Bekerja. Tetapi masih lagi meminta duit daripada Puan Siti?*” merupakan andaian oleh pengacara dalam segmen SLTIP tentang sikap suami ODW yang masih lagi mengharap wang daripada isteri meskipun si suami bekerja. Ujaran ini merupakan andaian meskipun tidak menggunakan kata petunjuk adanya andaian, iaitu  *mungkin* dan *kalau* (Asmah Hj. Omar, 2010: 37). Pemikiran ODW hendak dipengaruhi oleh pengacara berkaitan perkara-perkara yang ingin dilakukannya dan secara tidak langsung menimbulkan andaian tertentu dikatakannya. Namun, andaian daripada pihak pengacara memperoleh respons yang positif iaitu penjelasan daripada pihak ODW. ODW mengambil giliran dengan menyatakan, iaitu “*Maksudnya dia bukan meminta duit / maksudnya dia bukan tidak bekerja / Cuma tak mencukupi untuk dia: / so kita rasa dia perlu ...*” merupakan penjelasan dari pihak ODW mengenai masalah ketidakcukupan pendapatan daripada golongan suami dalam menyara kehidupan dari awal bulan sehingga hujung bulan dan bukan faktor golongan suami tidak bekerja. Hal ini menunjukkan ODW menggunakan



peluang yang diberikan bukan sahaja untuk mematahkan andaian tersebut tetapi juga memberi penjelasan dan pemahaman yang sebenar terhadap isu yang difokuskan.

#### (e) Keluhan – Penjelasan

Mengeluh atau seruan merupakan ragam bahasa yang memberikan rasa kekecewaan yang dirasai seperti “...*bagi anak-anak yang mungkin kadang-kadang / dia terlupa yang sebenarnya / yang ibu bapa ni memerlukan perhatian ...*”. Ujaran ini merupakan teknik yang digunakan oleh pengacara dalam meminta maklumat secara halus terhadap panel yang berbentuk keluhan. Berdasarkan tokoh iaitu Asmah Hj. Omar (2010: 26). Perolehan dapatan dalam dikenali suatu perkara yang perlu diminta dalam setiap program pengacaraan yang dikenali sebagai kelakuan utama bahasa. ODW mengambil giliran dalam perbualan, iaitu dengan menjawab permintaan tersebut dengan menyatakan penjelasan, iaitu “... : *sebab kita baru nak dirikan keluarga / excited baru nak dapat anak / fokuskan anak / anak lebih / kadang-kadang kewangan yang selalu...*” dalam segmen BRTS. Sekali gus menunjukkan melalui keluhan – penjelasan pemerolehan maklumat turut dapat dilakukan.

#### Penutup Perbualan

Dalam sesebuah rancangan bual bicara perbualan akan diakhiri dengan penutup perbualan oleh pengacara dan menandakan tidak akan ada lagi ujaran selepas itu. Dalam segmen JTR, HHJC, SLTIP, CMO dan BUCI perbualan diakhiri melalui ungkapan *terima kasih* oleh pengacara kepada ODW atas kesudian meluangkan masa, berkongsi maklumat serta membincangkan topik bagi setiap segmen yang diadakan. Menurut (Wong,2010:1248) *terima kasih* merupakan sikap santun dalam tanda kesimpulan dalam perbualan dan petunjuk bagi menamatkan sesuatu perbualan. Ini dapat dilihat dalam daripada contoh berikut:

Baiklah **terima kasih** diucapkan kepada Ustaz dan Datuk kerana bersama kami membincangkan topik ini...

(Segmen JTR)

Di samping itu, ungkapan terima kasih ini turut diujarkan kepada penonton yang menonton rancangan bual bicara WHI. Ini bertujuan bagi menunjukkan tanda penghargaan kepada penonton yang meluangkan masa menonton rancangan tersebut. Secara tidak langsung penonton berasa dihargai dan akan terus menonton rancangan bual bicara tersebut. Ini dilihat dapat ujaran berikut:

baiklah: **terima kasih** semua : bersama-sama kami di *Wanita Hari Ini*...

(Segmen BRTS)

#### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pemeran dalam rancangan *Wanita Hari Ini* telah memperlihatkan aspek turutan perbualan yang jelas dalam ujaran yang berlangsung. Situasi ini memperlihatkan pematuhan terhadap turutan dalam perbualan oleh pemeran yang bermula dengan pembuka, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab dan diakhiri dengan penutup perbualan. Dapatan ini secara tidak langsung membuktikan bahawa Model Struktur Interaksi telah diaplikasikan untuk membentuk turutan perbualan setiap pemeran dalam rancangan *Wanita Hari Ini*. Penelitian terhadap turutan perbualan ini perlu dititikberatkan agar menjadi rujukan kepada pengguna bahasa dalam mencari pendekatan yang bertepatan khususnya dalam rancangan bual bicara. Oleh itu adalah jelas kajian ini harus diperkembangkan lagi untuk mempelbagaikan lagi variasi turutan perbualan agar pemeran lebih berketrampilan dan berkeyakinan.

## **BIBLIOGRAFI**

- Ahmad Mahmood Musanif. (2006). Analisis Perbualan: Konsep dan Pendekatan. Dlm. *Ujana Minda Jilid 1. Kumpulan Esei Bahasa, Sastera dan Komunikasi*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Ainul Afiqin Abdul Aziz dan Arina Johari. (2017). Kesantunan Berbahasa Dalam Rancangan Bual Bicara di IKIMfm. *International Young Scholar Journal of Language*, 2(1), 41-48.
- Arina Johari dan Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(2), 120-152.
- Arina Johari dan Indirawati Zahid. (2016). Aplikasi Strategi Kesantunna Dalam Rancangan Bual Bicara Motivasi Diri Radio IKIMFM. *Jurnal Bahasa*, 16(1).120152.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2010). *Wacana Temu Duga dan Wawancara*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2013). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Salleh. (2012). *Teknik Berkomunikasi dan Berinteraksi yang Efektif*. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Putut Setiyadi, D.B. (2013). Bentuk dan Struktur Wacana Percakapan Dalam Radio Amatir di Kodya Surakarta. *Magistra*, 83(XXV), 99-118.
- Dewi Anggrayni, Badrul Redzuan Abu Hassan dan Chang Peng Kee. (2018). Analisis Strategi Komunikasi Ahli Parlimen dalam Program Siaran Interaktif di Radio Republik Indonesia dan Radio Elshinta. *Jurnal Komunikasi*, 34(3), 177-191.
- Haslinda Saad dan Ahmad Mahmood Musanif. (2014). Lakuan Pernyataan dalam Wacana Wawancara. *Pertanika MAHAWANGSA, Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*.1.(1), 101-119.
- Indirawati Zahid. (2018). Analisis Maksim Perbualan Grice dalam *Soal Jawab TV3*. *Jurnal Language Studies*, 7(2),16-35.
- Indirawati Zahid dan Arina Johari (2018). Strategi dan Struktur Kesantunan Melayu dalam Kritikan Mentor: Rancangan Realiti Televisyen. *Gema Online Journal of Language Studies*, 18(2):134-153.
- Jefferson, G. (2014). Glossary of Transcript Symbols with an Introduction. In G.H. Lerner (ed.) *Conversation Analysis: Studies from the First Generation*. Amsterdam and Philadelphia: John Benjamins.13-31.(Also available at <http://www.liso.ucsb.edu/Jefferson>).
- Marlyna Maros, Aslinda Johan, & Mohd Baharim Mayidin. (2016). Pola Sapaan Pelajar Lelaki dan Perempuan di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Pragmatik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 10(2), 219-24.
- Mohd Abdul Nasir Abd. Latif. (2014). Wacana Komunikasi Dalam Al-Quran: Satu Analisis Terhadap Dialog Dua Hala. *Tesis Ph. D*. Universiti Malaya.
- Nur Amirah Che Soh. (2015). Struktur Perbualan dalam Filem *ANAK BAPAK*. *Master Dissertation*. Universiti Putra Malaysia.
- Nurchahaya Yudi Hermawan. (2017). Wacana Percakapan Program “Tanya Dokter” di Radio. Tesis Ph.D. Universitas Gadjah Mada.
- Norizah Aripin, Hasrina Mustafa dan Adnan Hussein. (2011). *Instant Messaging (IM) used in the workplace*. *Journal of Techno-Social*, 3 (1), 61-78.
- Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad. (2013). Faktor Kesopanan dan Strategi Komunikasi dalam Genre Perbincangan di Televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(3),164-178.

- Rohaidah Mashudi, Hawa, Rahmat, Siti Rasyidah Sanudin, Sarinah Suliman, Ahmad Mahmood Musanif. (2017). Peraturan Interaksi Peristiwa Komunikatif Wawancara dalam Akhbar. *GEMA Online® Journal of Language Studies*,17(3), 71-85.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan Semangat Melayu*. Pekan Baru: Tenas Effendy Foundation dan Akademi Pengajian Melayu.
- Thinusha Selvaraj. (2013). Analysing Address Forms in Openings and Closings in Nurse Patient Communication. *Tesis Master*. Universiti Malaya.
- Zarina Ahmad. (2009). Keterampilan Bertutur Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Di Selangor. *Tesis Ph.D*. Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su. (2006). Kesantunan Berbahasa: Amalan Masyarakat di Malaysia dan di Thailand. *Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Etika dalam Profesion*. Petaling Jaya pada 7-8 Februari 2006.